

CERITA RAKYAT MELAYU DALAM WACANA KONTEMPORARI: PEMAKNAAN BAHARU DAN PELESTARIAN NARATIF TRADISIONAL

MALAY FOLKTALES IN CONTEMPORARY DISCOURSE: NEW INTERPRETATIONS AND THE SUSTAINABILITY OF TRADITIONAL NARRATIVES

Zety Natamulia Elias ^{1*}
Roslina Abu Bakar ²

¹. Calon Pascasiswazah, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia
(E-mel: gs67017@student.upm.edu.my)

². Profesor Madya Dr., Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia
(E-mel: lynabubakar@upm.edu.my)

*Corresponding author: lynabubakar@upm.edu.my

Article history

Received date : 16-5-2026
Revised date : 17-5-2026
Accepted date : 28-6-2026
Published date : 30-6-2026

To cite this document:

Elias, Z. N., & Abu Bakar, R. (2026). Cerita rakyat Melayu dalam wacana kontemporari: Pemaknaan baharu dan pelestarian naratif tradisional. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (83), 1002 - 1014.

Abstrak: Cerita rakyat Melayu merupakan khazanah sastera tradisional yang mencerminkan pemikiran, nilai budaya dan pandangan alam masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun perubahan sosial dan perkembangan teknologi masa kini telah menimbulkan cabaran terhadap kesinambungan cerita rakyat sebagai warisan yang dekat dengan generasi masa kini. Kajian ini bertujuan mengenalpasti pemaknaan baharu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan dua daripada tiga proses dalam Deskripsi Tekstual Tiga Proses Pengkisahan oleh A. Halim Ali (2012) iaitu penjernihan konsep dan pemaknaan baharu, kedua menganalisis pemaknaan baharu dalam teks cerita rakyat Melayu terpilih dalam konteks masyarakat kontemporari berdasarkan pendekatan moral dan pendekatan keagamaan dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis teks terhadap dua cerita rakyat terpilih, iaitu Si Tanggang dan Mat Jenin. Dapatan kajian menunjukkan bahawa cerita rakyat Melayu bukan sekadar menyampaikan pengajaran moral tradisional, tetapi turut mengandungi wacana berkaitan watak, kemanusiaan, psikologi, hubungan sosial dan persoalan kehidupan masyarakat moden yang mana proses memberi pemaknaan baharu membolehkan naratif tradisional ditafsirkan semula berdasarkan keperluan semasa tanpa menghilangkan nilai budaya dan jati diri Melayu yang menjadi asas pembentukannya.

Kata kunci: Cerita Rakyat Melayu, Pemaknaan Baharu, Pelestarian Naratif Tradisional, Teori Pengkaedahan Melayu, Wacana Kontemporari

Abstract: *Malay folktales are a valuable heritage of traditional literature that reflect the thoughts, cultural values, and worldview of the Malay community. However, social changes and technological developments in the contemporary era have challenged the continuity of folktales as a heritage form that remains relevant and accessible to the present generation. This study aims to identify new meanings in Malay folktales based on two of the three processes in A. Halim Ali's (1985) Deskripsi Teksual Tiga Proses Pengkisahan, namely the processes of conceptual clarification and new meaning-making. Next, the study analyses the new meanings found in selected Malay folktales in the context of contemporary society, based on the moral and social approaches of Hashim Awang's (1989) Teori Pengkaedahan Melayu. The study employs a qualitative approach through textual analysis of two selected folktales, namely Si Tanggang and Mat Jenin. The findings indicate that Malay folktales not only convey traditional moral lessons but also address character, humanity, psychology, social relationships, and issues in modern society. Assigning new meanings allows traditional narratives to be reinterpreted to meet contemporary needs without diminishing the cultural values and Malay identity that form their foundation.*

Keywords: *Malay Folktales, New Meaning-Making, Preservation of Traditional Narratives, Malay Theory of Methodology, Contemporary Discourse*

Pengenalan

Cerita rakyat Melayu merupakan warisan sastra lisan yang telah sekian lama menjadi medium penyampaian ilmu, kepercayaan, nilai dan pengalaman hidup masyarakat Melayu. Cerita rakyat merupakan sebuah adikarya agung yang disampaikan oleh masyarakat Melayu bagi tujuan mengembangkan kebudayaan mereka (Tuan Adnan & Che Yaacob, 2023). Sebelum berkembangnya sistem pendidikan formal dan teknologi komunikasi moden, cerita rakyat berfungsi sebagai medium pendidikan tidak formal yang memperkukuh pembentukan sahsiah, jati diri serta pemikiran masyarakat melalui penyampaian secara lisan daripada satu generasi kepada generasi berikutnya. Kenyataan ini disokong oleh Tuan Adnan & Che Yaacob (2023) yang menyatakan bahawa cerita rakyat telah menerapkan pelbagai adat resam masyarakat Melayu dan mampu beralih daripada seseorang individu ke individu yang lain. Menurut mereka lagi cerita rakyat berperanan mendidik jiwa kanak-kanak untuk lebih memahami peradaban masyarakat Melayu. Hal ini kerana cerita rakyat yang disampaikan memiliki nilai pengajaran yang bermanfaat kepada kehidupan pada hari ini. Sebagai contoh, naratif seperti cerita Si Tanggang, dan Mat Jenin bukan sekadar menghiburkan, malah mengandungi pelbagai nilai moral, falsafah kehidupan, kebijaksanaan tempatan serta pandangan alam masyarakat Melayu yang mencerminkan hubungan manusia dengan Tuhan, sesama manusia dan alam sekitar. Kenyataan ini disokong oleh Salmah Ayob (1981) yang mana menurut beliau kesusasteraan dari sudut estetika adalah satu bentuk seni. Ia merupakan penggambaran hidup dan pemikiran imaginatif yang terjalin dalam bentuk-bentuk struktur yang terkawal serta penggunaan bahasa yang indah dan puitis. Walau bagaimanapun, penyampaian cerita dari mulut ke mulut menyebabkan banyak unsur tokok tambah dalam hasil karya tersebut (Raja Mhd Shahnuddin dan lain-lain, 2021). Menurut mereka lagi, pada masa lampau, penglipur lara adalah orang yang arif yang akan bertindak sebagai pencerita kepada khalayak. Penglipur lara bertanggungjawab dalam memberi mesej dan hiburan kepada khalayak melalui sastra rakyat terutama kanak-kanak dan golongan remaja. Menurut Roslina Abu Bakar (2017), manuskrip Melayu tradisional mempunyai unsur pelajaran yang memberi panduan bertingkah laku. Lantaran itu, makna tersurat dan tersirat menerusi mesej yang disalurkan oleh pengarang kepada khalayak

pembaca melalui teks cerita perlu disebarakan dengan seluas-luasnya sebagai usaha pengekaln jati diri bangsa Melayu.

Walau bagaimanapun, perubahan landskap sosial, perkembangan teknologi digital serta pengaruh globalisasi telah mengubah corak penerimaan masyarakat terhadap karya tradisional. Corak masyarakat tertutup yang melingkari kehidupan masyarakat pada waktu itu menjadikan mereka sebagai masyarakat yang tidak terdedah kepada teknologi atau mekanisme lain untuk tujuan penyebaran atau perkongsian maklumat (Mamat @ Mustaffa dan Sujud, 2009). Ini bermaksud cabaran utama adalah terletak pada cara cerita rakyat difahami, ditafsirkan dan dipersembahkan dalam konteks masyarakat kontemporari. Perubahan konteks sosial, budaya dan teknologi menuntut pendekatan yang lebih dinamik agar cerita rakyat terus berfungsi sebagai sumber ilmu, pembentukan nilai dan wacana intelektual. Kenyataan ini disokong oleh Mamat @ Mustaffa dan Sujud (2009) yang menyatakan daripada bentuk asalnya sebagai cerita lisan, ianya dituturkan oleh tukang cerita, akhirnya dibukukan sebagai dokumentasi bagi mengekalkan hasil sastera tersebut. Namun begitu dengan bentuk teks aspek lisan yang dikemukakan tidak dapat dikesan dengan baik kerana tiada tradisi bercerita, yang ada hanya tulisan dan beberapa grafik yang dilukis untuk menarik perhatian kanak-kanak. Menurut Salmah Ayob (1981) pemberian yang berharga lagi bermanfaat yang dapat disumbangkan oleh kesusasteraan kepada kanak-kanak meliputi ciptaan-ciptaan sastera kreatif yang dapat mengikat minat dan menghidupkan kegemaran mereka.

Permasalahan kajian

Sorotan terhadap kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa penyelidikan mengenai cerita rakyat Melayu banyak tertumpu kepada aspek dokumentasi, pengelasan genre, nilai murni, fungsi pendidikan, struktur naratif serta analisis berdasarkan teori-teori sastera tertentu. Walaupun kajian-kajian tersebut telah memberikan sumbangan penting kepada perkembangan ilmu, penelitian yang menghubungkan konsep pemaknaan baharu dengan usaha pelestarian naratif tradisional dalam kerangka wacana kontemporari masih relatif terhad. Keadaan ini mewujudkan ruang penyelidikan yang memerlukan penerokaan secara lebih mendalam, khususnya dalam memahami bagaimana cerita rakyat dapat terus berperanan sebagai sumber intelektual dan budaya yang relevan kepada masyarakat abad ke-21. Menurut Mazlan, Che Yaacob dan Abdillah (2021), kesusasteraan bukan sahaja mempunyai hubungan yang erat dengan penulisnya, namun kesusasteraan juga mempunyai kaitan dengan citra masyarakat dalam masyarakat Melayu. Kamarudin dan Sujud (2017) menyatakan menurut Awang Sariyan (2001), bahawa jati diri Melayu berdiri atas dua asas utama: agama dan budaya. Kedua-dua unsur inilah yang mewarnai kehidupan umat Melayu, sehingga kini kita dapat membezakan orang Melayu dan bukan Melayu. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan membincangkan konsep pemaknaan baharu sebagai pendekatan yang mampu memperkukuh pelestarian cerita rakyat Melayu dalam wacana kontemporari. Perbincangan memfokuskan hubungan antara naratif tradisional, proses pentafsiran semula dan keperluan masyarakat semasa bagi menjelaskan bahawa kelangsungan sesuatu warisan bukan sahaja bergantung pada usaha memeliharanya, tetapi juga pada keupayaan memberikan makna yang sentiasa relevan dengan perubahan zaman. Dengan demikian, artikel ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengembangan wacana akademik mengenai cerita rakyat Melayu, di samping menawarkan suatu kerangka pemikiran yang dapat dimanfaatkan dalam bidang pendidikan, penyelidikan, pemuliharaan warisan dan pembangunan budaya pada masa hadapan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini pertama, mengenalpasti pemaknaan baharu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan dua daripada tiga proses dalam deskripsi tekstual tiga proses pengkisahan oleh A. Halim Ali (2012) iaitu penjernihan konsep dan pemaknaan baharu, kedua menganalisis pemaknaan baharu dalam teks cerita rakyat Melayu terpilih dalam konteks masyarakat kontemporari berdasarkan pendekatan moral dan pendekatan keagamaan dalam teori pengkaedahan melayu oleh Hashim Awang (1989).

Sorotan Literatur

Cerita Rakyat Melayu sebagai Warisan Intelektual dan Budaya Alam Melayu

Cerita rakyat Melayu merupakan salah satu komponen penting dalam khazanah sastra lisan yang berfungsi sebagai medium penyebaran ilmu, pendidikan, hiburan dan pembentukan nilai dalam masyarakat tradisional terutama golongan kanak-kanak dan remaja. Menurut Salmah Ayob (1981) sastra kreatif yang benar-benar menarik perhatian kanak-kanak dan seterusnya menggerakkan kanak-kanak untuk mempunyai peribadi yang luhur, seharusnya memberi hiburan disamping memberi pengalaman baru serta memuaskan naluri ingin tahu mengenai dunia di sekeliling mereka. Keistimewaan cerita rakyat bukan sahaja terletak pada bentuk naratifnya, malah pada keupayaannya merakam pengalaman hidup, sistem kepercayaan, adat resam, falsafah dan pandangan alam masyarakat Melayu. Dalam memperkatakan tentang pembangunan sahsiah dan akal budi, ia dapat dilihat secara lebih dekat pengolahan akal budi dalam sesebuah cerita rakyat yang disampaikan oleh tukang cerita dan nilai akal budi yang disampaikan mampu mencorak dan mengawal tingkah laku anak-anak muda pada zaman sekarang. Hal ini menunjukkan bahawa cerita rakyat tidak berfungsi sebagai hiburan semata-mata, sebaliknya menjadi instrumen untuk membentuk tingkah laku, menyampaikan pengajaran dan memperkukuh identiti budaya dan mengandungi system nilai dan pemikiran sesuatu masyarakat yang melahirkannya. Hashim Awang (1989) turut menjelaskan bahawa karya sastra Melayu tidak dapat dipisahkan daripada pandangan alam masyarakat Melayu yang melihat hubungan manusia dengan Tuhan, alam dan kehidupan sebagai suatu kesatuan. Menurut Kamarudin dan Sujud (2017) jati diri merangkumi sifat unik dan Istimewa yang menjadi amalan sehingga kekal dalam diri sesuatu bangsa. Cerita rakyat juga merupakan medium yang menghubungkan generasi terdahulu dengan generasi semasa melalui penyampaian nilai, norma dan sistem kepercayaan yang dikongsi bersama. Kenyataan ini disokong oleh Raja Mhd Shahnuddin dan lain-lain (2021) cerita rakyat diperihalkan sebagai cerita rekaan dari zaman dahulu dan disukai ramai dalam sesuatu masyarakat yang masih diceritakan dan diturunkan daripada satu generasi kepada generasi lain secara lisan.

Pelestarian Cerita Rakyat dalam Era Kontemporari

Ramai penyelidik telah mengemukakan pelbagai pendekatan untuk memastikan cerita rakyat terus dipelihara. Antaranya ialah usaha pendokumentasian, penerbitan semula teks, adaptasi kepada bahan bacaan kanak-kanak, penghasilan animasi, drama, filem dan aplikasi digital. Namun begitu, pelestarian tidak lagi difahami sebagai usaha mendokumentasikan cerita rakyat semata-mata, tetapi turut melibatkan proses menghidupkan semula fungsi sosial dan budaya cerita tersebut dalam masyarakat moden. Pendekatan ini menunjukkan bahawa warisan budaya bersifat dinamik dan memerlukan penyesuaian mengikut perubahan masyarakat. Oleh itu, usaha pelestarian perlu memberi perhatian kepada aspek kebolegunaan dan kerelevanan sesuatu warisan dalam kehidupan semasa. Ini bersesuaian dengan kenyataan Raja Mhd Shahnuddin dan lain-lain (2021) cerita rakyat terus dibukukan sebagai sumber rujukan dan bahan bacaan oleh masyarakat sehingga kini. Namun setiap karya ini mempunyai versi yang

berbeza oleh kerana cerita ini dibawa oleh generasi ke generasi dalam bentuk penceritaan dari mulut ke mulut yang bersifat santai. Pendekatan-pendekatan ini berjaya memperluaskan capaian masyarakat terhadap cerita rakyat, namun sebahagian besarnya masih mengekalkan bentuk penyampaian tradisional tanpa memberikan dimensi tafsiran yang benar-benar baharu. Penafsiran sedemikian penting, namun belum sepenuhnya meneroka makna baharu yang boleh dikaitkan dengan isu-isu kontemporari seperti kepimpinan, literasi digital, kelestarian alam sekitar, pembangunan komuniti dan kesejahteraan sosial.

Pemaknaan Baharu dalam Wacana Kesusasteraan

Menurut A. Halim Ali (2012) pemaknaan baharu dalam cerita rakyat Melayu merujuk kepada penafsiran semula cerita yang menimbulkan kekeliruan kepada pembaca untuk memahami makna yang berhubung secara langsung dengan konteks dunia orang Melayu masa kini seterusnya mengambil suatu pendekatan dengan cara memperbaharui naratif sejajar makna teks dengan konteks dunia orang Melayu masa kini agar cerita lebih relevan dan bertepatan dengan keperibadian Islam dan kemelayuan bangsa. Sehubungan itu, dalam perkembangan teori sastera moden, sesebuah teks tidak lagi dianggap mempunyai satu makna yang tetap. Sebaliknya, makna sentiasa terbentuk melalui interaksi antara teks, pembaca dan konteks sosial. Pendekatan ini membuka ruang kepada proses pentafsiran semula terhadap karya-karya tradisional agar terus relevan dalam masyarakat yang sentiasa berubah. Pemaknaan baharu juga memberikan asas penting bahawa sebarang usaha mentafsir cerita rakyat hendaklah berpaksikan kepada identiti budaya Melayu dan tidak mengabaikan nilai yang menjadi teras pembinaannya. Di sinilah kepentingan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang, 1989) yang mana menurut beliau karya sastera Melayu perlu difahami berdasarkan falsafah, budaya dan nilai masyarakat Melayu sendiri. Menurut beliau lagi, Teori Pengkaedahan Melayu ini berdasarkan kepada anggapan bahawa sastera merupakan salah satu daripada objek daripada hasil ciptaan objek lain yang diciptakan Tuhan, manakala sastera adalah hasil ciptaan manusia. Kenyataan ini selari dengan pandangan Jauss (1982) melalui Teori Resepsi pembaca menjelaskan bahawa makna karya tidak hanya berada dalam teks, tetapi terbentuk melalui interaksi antara teks dengan pengalaman pembaca pada sesuatu zaman. Sesebuah karya tidak pernah kehilangan makna, sebaliknya memperoleh makna baharu apabila dibaca dalam konteks pengalaman masyarakat yang berbeza. Pendekatan ini memberikan justifikasi bahawa cerita rakyat Melayu wajar terus ditafsirkan semula bagi menjawab persoalan masyarakat kontemporari terutama golongan kanak-kanak dan remaja. Sesuatu teks bersifat terbuka kepada pelbagai tafsiran kerana makna tidak bersifat tetap, sebaliknya sentiasa berubah berdasarkan konteks pembaca dan zaman. Berdasarkan perkembangan pemikiran tersebut, pemaknaan baharu dapat difahami sebagai proses memperluaskan horizon tafsiran sesuatu naratif tradisional agar mampu menjawab keperluan intelektual, sosial dan budaya masyarakat semasa tanpa menghapuskan identiti asalnya. Pendekatan ini membezakan antara proses mengubah cerita dengan proses memberikan perspektif baharu terhadap cerita yang sama.

Jurang dalam Kajian Lepas

Analisis terhadap kajian-kajian terdahulu memperlihatkan bahawa penyelidikan mengenai cerita rakyat Melayu telah berkembang dalam pelbagai dimensi seperti dokumentasi teks, analisis struktur, nilai moral, fungsi pendidikan, pendekatan teori sastera dan pelestarian warisan bangsa. Walau bagaimanapun, sebahagian besar kajian masih menumpukan kepada usaha menghuraikan kandungan cerita atau menjelaskan nilai-nilai yang terkandung di dalamnya. Kajian yang menghubungkan secara langsung konsep pemaknaan baharu dengan pelestarian cerita rakyat dalam kerangka wacana kontemporari masih terhad. Lebih penting lagi, belum terdapat satu kerangka konseptual yang menghuraikan bagaimana proses

pemaknaan baharu boleh menjadi mekanisme bagi memastikan cerita rakyat terus berfungsi sebagai wahana pembinaan ilmu, identiti budaya dan pembangunan masyarakat pada abad ke-21. Walaupun kajian terdahulu banyak membincangkan cerita rakyat Melayu dari aspek nilai moral, struktur naratif dan fungsi sosial, kajian yang melihat cerita rakyat sebagai teks dinamik yang mengalami proses pemaknaan semula dalam konteks kontemporari masih kurang diberikan perhatian. Kebanyakan kajian lebih menumpukan usaha dokumentasi dan pemeliharaan, sedangkan aspek kelangsungan naratif melalui tafsiran baharu yang relevan dengan era semasa masih memerlukan penelitian. Justeru, artikel ini mengisi jurang tersebut dengan mengemukakan perbincangan konseptual mengenai hubungan antara naratif tradisional, pemaknaan baharu dan pelestarian budaya. Perbincangan ini bukan sahaja memperluaskan wacana akademik mengenai cerita rakyat Melayu, malah mencadangkan satu kerangka pemikiran yang boleh dijadikan asas kepada penyelidikan lanjutan demi kelestarian dan pemuliharaan warisan budaya Melayu.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis tekstual yang berasaskan Deskripsi Tekstual Tiga Proses Pengkisahan yang diperkenalkan oleh A. Halim Ali (2012). Pendekatan ini dipilih kerana berupaya menghuraikan proses perkembangan makna dalam sesebuah naratif secara sistematik melalui tiga proses utama, iaitu penjernihan konsep, pemaknaan baharu dan penulisan semula teks. Walau bagaimanapun dalam kajian ini, hanya dua proses akan dijadikan kerangka analisis bagi menjelaskan bagaimana cerita rakyat Melayu bukan sahaja dapat difahami dalam konteks asalnya, malah terus diperkasakan sebagai warisan budaya yang relevan dalam masyarakat kontemporari.

Kajian ini berbentuk konseptual dan tidak melibatkan pengumpulan data lapangan. Sebaliknya, analisis dilaksanakan melalui penelitian terhadap sumber-sumber bertulis yang berkaitan dengan cerita rakyat Melayu, teori kesusasteraan Melayu, penulisan ilmiah yang membincangkan konsep pemaknaan dan pelestarian naratif tradisional. Data kajian diperoleh daripada buku akademik, dokumen ilmiah, prosiding persidangan, tesis, artikel jurnal juga disertasi yang mempunyai hubungan langsung dengan objektif kajian. Pemilihan sumber dibuat berdasarkan kerelevanan kandungan, autoriti penulis serta sumbangannya terhadap perkembangan penyelidikan dalam bidang kesusasteraan Melayu.

Melalui proses penjernihan konsep, iaitu mengenal pasti dan memperjelas konsep-konsep asas yang membentuk cerita rakyat Melayu, penelitian tertumpu kepada makna asal naratif, nilai budaya, falsafah kehidupan, simbolisme serta pandangan alam Melayu yang menjadi teras pembinaan cerita rakyat. Kriteria ini didasari daripada Teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang (1989) iaitu Pendekatan Alamiah dan Pendekatan Keagamaan yang memfokuskan kepada pendekatan moral dan pendekatan kemasyarakatan. Proses ini penting bagi memastikan proses pentafsiran dilakukan berdasarkan kefahaman yang jelas terhadap konteks asal naratif, sekali gus mengelakkan berlakunya tafsiran yang terpisah daripada akar budaya Melayu. Seterusnya, analisis diteruskan melalui proses pemaknaan baharu, iaitu menafsir semula konsep-konsep yang telah dijernihkan dengan menghubungkannya kepada realiti masyarakat kontemporari. Pada tahap ini, cerita rakyat diteliti sebagai teks yang bersifat dinamik dan sentiasa terbuka kepada pembacaan baharu tanpa menghilangkan identiti asalnya. Pemaknaan baharu membolehkan nilai dan mesej yang terkandung dalam cerita rakyat diperluas bagi menjawab pelbagai isu semasa seperti pembentukan jati diri, kepimpinan, pembangunan insan, literasi digital, kelestarian alam sekitar dan perubahan sosial. Dengan demikian, cerita rakyat tidak lagi dilihat sebagai naratif yang

terikat kepada konteks sejarah semata-mata, tetapi sebagai sumber ilmu yang terus relevan merentas perubahan zaman. Kedua-dua proses tersebut diaplikasikan secara berurutan kerana setiap proses saling melengkapi dalam membentuk satu kesinambungan pengkisahan. Penjernihan konsep menjadi asas kepada pembentukan pemaknaan baharu, manakala pemaknaan baharu menyediakan landasan kepada penghasilan semula teks. Hasil daripada proses tersebut, cerita rakyat kembali berfungsi sebagai naratif yang hidup dan bersedia untuk melalui proses pengkisahan yang seterusnya apabila ditafsirkan oleh generasi berikutnya bersesuaian dengan ciri-ciri dinamik yang dimilikinya.

Dapatan Dan Perbincangan

Penjernihan Konsep sebagai Asas Pemahaman Cerita Rakyat Melayu

Penjernihan konsep menekankan tentang keperluan memahami sesuatu konsep secara lebih jelas dan kontekstual supaya tidak terperangkap dalam tafsiran yang sempit (Ali, 2012). Dalam konteks cerita rakyat, pendekatan ini membolehkan makna tradisional diperluas tanpa menghilangkan identiti asal naratif tersebut. Penjernihan konsep merupakan proses asas dalam Deskripsi Tekstual Tiga Proses Pengkisahan yang menentukan ketepatan pemahaman terhadap sesuatu naratif sebelum proses pentafsiran dilakukan. Dalam konteks cerita rakyat Melayu, penjernihan konsep bukan sekadar mengenal pasti mesej yang terkandung dalam teks terpilih, malah berfungsi memperjelaskan asas pemikiran, dan falsafah kehidupan yang melahirkan naratif tersebut. Oleh itu, proses ini menjadi langkah pertama yang sangat penting kerana sesuatu makna baharu hanya dapat dibina apabila konsep asal difahami secara tepat dan menyeluruh. Keperluan kepada penjernihan konsep menjadi semakin signifikan apabila cerita rakyat dibaca dalam konteks masyarakat kontemporari yang mempunyai latar sosial, budaya dan pengalaman hidup yang berbeza daripada masyarakat yang melahirkan cerita tersebut. Perubahan ini sering menyebabkan pembacaan terhadap cerita rakyat terbatas kepada pengajaran moral yang bersifat umum tanpa menelusuri konsep-konsep asas yang membentuk keseluruhan naratif. Akibatnya, cerita rakyat dilihat sebagai kisah hiburan atau bahan bacaan kanak-kanak, sedangkan setiap naratif sebenarnya mengandungi sistem pemikiran yang jauh lebih kompleks.

Menurut Raja Mhd Shahnuddin dan lain-lain (2021) karakter dalam cerita rakyat memainkan peranan yang penting sehingga watak yang dibawa dikenali oleh masyarakat sehingga ke hari ini. Hal ini dapat diperhatikan melalui cerita *Si Tenggang* yang lazimnya ditafsirkan sebagai kisah penderhakaan seorang anak terhadap ibunya. Pembacaan sedemikian tidak salah, namun masih berada pada lapisan makna yang bersifat permukaan. Pentafsiran dapat dilakukan melalui petikan di bawah:

Si Talang Si Deruma berasa bertuah kerana Si Tenggang sentiasa rajin menolong mereka bekerja. Ini dilakukan oleh Si Tenggang terutama sekali apabila dia tidak pergi berburu dengan Kawan-kawannya.

(A. Samad Ahmad, 1996)

Apabila pergi berburu, Si Tenggang seringkali dianggap sebagai ketua oleh kawan-kawannya. Ini ternyata kerana Si Tenggang mempunyai beberapa kelebihan di antara kawan-kawannya. Deria penciuman Si Tenggang sangat tajam. Bau binatang sejauh dua puluh depa atau lebih, dapat dihidunya, dan dia segera dapat memberitahu di mana binatang itu berada.

(A. Samad Ahmad, 1996)

Melalui penjernihan konsep, naratif di atas memperlihatkan kelebihan, kerajinan, tanggung jawab dan kemahiran tinggi Si Tenggang dalam aktiviti berburu. Dalam masyarakat tradisional, kemahiran seperti ini mempunyai nilai praktikal dan istimewa kerana aktiviti berburu berkait dengan sumber makanan dan kelangsungan hidup.

Si Tenggang bercita-cita menjadi raja. Katanya kalau wang dapat dia kumpulkan dengan banyak, dia akan takluk sebuah negeri. Kemudian dia akan menjadi raja. Dia akan berbuat apa sahaja.

(Mohammad Shahidan, 2016)

Melalui petikan di atas dapat dilihat bahawa Si Tenggang merupakan seorang anak muda dari kaum asal yang mempunyai semangat juang yang tinggi demi merealisasikan cita-citanya. Namun dari satu sudut yang lain, konsep penderhakaan adalah manifestasi kepada persoalan yang lebih besar tentang keseimbangan antara kemajuan hidup dengan tanggungjawab terhadap akar budaya dan institusi keluarga. Keadaan yang sama dapat diperhatikan dalam cerita *Mat Jenin*. Melalui penjernihan konsep, *Mat Jenin* dianggap sebagai sosok yang sifatnya suka berangan-angan sehingga gelaran '*Mat Jenin*' dimomokkan kepada seseorang yang suka berangan-angan yang terlalu tinggi.

Mat Jenin berazam untuk memanjat pokok kelapa sebanyak mungkin. Dia mahu mendapatkan upah yang banyak. Apabila kelapa yang menjadi upahnya itu sudah banyak dia akan menjualnya. Tentu dia akan memperolehi wang yang banyak. Dia ingin menjadi kaya. Dia juga ingin segera berumah tangga. Dia ingin isteri yang cantik.

(Mohammad Shahidan, 2016)

Namun, melalui penafsiran semula, naratif ini sebenarnya turut mengangkat persoalan tentang hubungan antara cita-cita, perancangan dan tindakan. Cerita tersebut tidak menolak impian atau aspirasi, sebaliknya mengingatkan bahawa kejayaan memerlukan usaha, disiplin dan keupayaan mengurus risiko. Dalam penulisan semula teks yang dilakukan oleh Mohammad Shahidan (2016) melalui pendekatan moral menggambarkan bahawa *Mat Jenin* adalah seorang cucu yang bertanggungjawab. Ini dapat dilihat dalam teks di bawah:

Tidak berapa lama kemudian datuk Mat Jenin pun meninggal dunia. Sejak itu Mat Jenin hampir patah semangat. Namun begitu Mat Jenin masih dapat berfikir panjang. Dia tidak berputus asa. Apatah lagi apabila dia memikirkan bahawa neneknya masih ada. Dia perlu mencari nafkah untuk kelangsungan hidup mereka.

(Mohammad Shahidan, 2016)

Penafsiran ini membuka ruang yang lebih luas untuk memahami cerita *Mat Jenin* sebagai naratif yang mengetengahkan tentang pembangunan insan, cita-cita dan keinginan bukan sekadar sindiran terhadap sikap berangan-angan semata-mata. Petikan-petikan di atas, menunjukkan bahawa cerita rakyat Melayu mengandungi lapisan konsep yang jauh lebih luas daripada tafsiran literal yang sering diketengahkan. Penjernihan konsep membolehkan penyelidik mengenal pasti struktur pemikiran yang membentuk naratif sebelum proses pentafsiran semula dilakukan. Dalam erti kata lain, proses ini bukan bertujuan mengubah makna asal cerita rakyat, tetapi mengembalikan naratif kepada landasan budaya dan falsafah yang menjadi asas pembinaannya namun dalam masa yang sama tidak menafikan konsep sebab dan akibat. Oleh itu, penjernihan konsep merupakan prasyarat kepada proses pemaknaan

baharu. Tanpa kefahaman yang jelas terhadap konsep asal, usaha mentafsir semula cerita rakyat berisiko menghasilkan tafsiran yang terpisah daripada identiti budaya Melayu. Sebaliknya, penjernihan konsep menyediakan asas yang kukuh untuk membolehkan cerita rakyat terus ditafsirkan mengikut perubahan zaman tanpa kehilangan roh, nilai dan falsafah yang membentuk kewujudannya.

Pemaknaan Baharu sebagai Mekanisme Menghubungkan Cerita Rakyat Melayu

Banyak cerita rakyat masih dibaca berdasarkan tafsiran yang bersifat literal, sedangkan naratif tradisional sebenarnya mempunyai lapisan makna yang lebih luas dan berpotensi untuk ditafsirkan semula mengikut keperluan zaman. Keadaan ini menyebabkan cerita rakyat semakin terpinggir daripada kehidupan harian masyarakat, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap kelangsungan warisan naratif Melayu sebagai sebahagian daripada identiti budaya bangsa. Dalam konteks ini, konsep pemaknaan baharu menjadi suatu pendekatan yang signifikan dalam usaha memperkukuh kelestarian cerita rakyat Melayu. Pemaknaan baharu menurut A. Halim Ali (2012) merujuk kepada proses mentafsir, memahami dan menghubungkan semula sesuatu naratif tradisional dengan realiti semasa atau masa kini tanpa menghilangkan identiti, roh asal dan nilai yang terkandung dalam cerita tersebut. Melalui pendekatan moral, pemaknaan baharu tidak bertujuan mengubah fakta atau struktur asas cerita rakyat, sebaliknya memperluaskan horizon pentafsiran agar mesej yang terkandung di dalamnya kekal relevan kepada masyarakat masa kini. Misalnya, kisah *Si Tenggang* tidak lagi hanya difahami sebagai cerita tentang anak derhaka, tetapi boleh ditafsirkan sebagai naratif mengenai krisis identiti, mobiliti sosial, cabaran pembangunan insan, dan hubungan kekeluargaan. Begitu juga cerita *Mat Jenin*, melalui pendekatan kemasyarakatan, ia boleh ditafsir semula sebagai perbincangan tentang budaya keusahawanan, pengurusan risiko, perancangan strategik dan keseimbangan antara cita-cita dengan realiti. Konsep pemaknaan baharu turut selari dengan perkembangan bidang kesusasteraan kontemporari yang melihat karya sastra sebagai teks yang sentiasa terbuka kepada pelbagai kemungkinan tafsiran mengikut perubahan ruang, masa dan pengalaman pembaca. Dalam hal ini, cerita rakyat tidak lagi dilihat sebagai warisan statik yang hanya perlu dipelihara dalam bentuk asal, tetapi sebagai khazanah budaya yang boleh terus berkembang melalui proses interpretasi kontekstual, yang bersifat ilmiah, dan bertanggungjawab. Pendekatan sedemikian membolehkan cerita rakyat terus berfungsi sebagai wahana pembentukan pemikiran kritis, pembinaan jati diri serta pengukuhan identiti budaya dalam masyarakat yang sentiasa berubah.

Pemaknaan baharu merupakan proses yang menghubungkan naratif tradisional dengan perubahan pemikiran, budaya dan keperluan masyarakat semasa. Dalam Deskripsi Tekstual Tiga Proses Pengkisahan oleh A. Halim Ali (2012), pemaknaan baharu berlaku selepas proses penjernihan konsep dilaksanakan, kerana hanya konsep yang telah difahami secara tepat dapat ditafsirkan semula tanpa menjejaskan identiti asal sesuatu naratif. Dengan demikian, pemaknaan baharu bukanlah proses mencipta makna yang baharu secara bebas, sebaliknya merupakan usaha memperluaskan horizon kefahaman terhadap konsep yang sedia terkandung dalam cerita rakyat Melayu agar terus berfungsi dalam konteks kehidupan kontemporari. Dalam konteks kemasyarakatan, perubahan sosial, perkembangan teknologi, globalisasi dan kepelbagaian corak pemikiran telah mengubah cara masyarakat membaca serta memahami cerita rakyat. Menurut Raja Mhd Shahnuddin dan lain-lain (2021), unsur estetika Melayu yang digambarkan dalam ungkapan secara tersirat berbentuk kiasan atau sindiran memperlihatkan pemikiran Melayu daripada sudut kebijaksanaan dan keindahan dalam bahasa Melayu disamping mengangkat dan mengekalkan tradisi keistimewaan bahasa dan kesusasteraan Melayu. Jika sebelum ini cerita rakyat sering difahami sebagai medium penyampaian


pengajaran moral, masyarakat kontemporari cenderung melihatnya sebagai sumber yang boleh menawarkan penyelesaian terhadap pelbagai persoalan semasa. Perubahan ini menjadikan proses pemaknaan baharu semakin signifikan kerana naratif tradisional tidak lagi dibaca sebagai kisah masa lalu, tetapi sebagai teks yang sentiasa terbuka kepada pentafsiran berdasarkan perubahan zaman. Keadaan ini dapat diperhatikan melalui cerita *Si Tenggang*. Selepas konsep asal berkaitan penghormatan terhadap ibu bapa dan kesedaran tentang asal usul dijernihkan, naratif tersebut dapat dimaknakan semula sebagai wacana tentang pembentukan identiti, mobiliti sosial dan hubungan antara kejayaan dengan tanggungjawab terhadap keluarga. Dalam masyarakat moden yang menyaksikan penghijrahan, perubahan status sosial dan cabaran globalisasi, pemaknaan sedemikian menjadikan *Si Tenggang* terus relevan sebagai naratif yang membincangkan persoalan kemanusiaan, bukannya sekadar kisah penderhakaan seorang anak. Menurut Salmah Ayob (1981) pengalaman estetika ini boleh mendorong pembaca untuk merenung kembali pengalaman-pengalaman mereka sendiri serta membandingkan dengan pemikiran-pemikiran dan mungkin seterusnya menganalisa hal-hal tersebut menerusi satu perspektif yang baru. Proses yang sama dapat dilihat dalam cerita *Mat Jenin*. Selepas konsep hubungan antara cita-cita, usaha dan tindakan diperjelaskan melalui penjernihan konsep, cerita ini tidak lagi sekadar ditafsirkan sebagai sindiran terhadap sikap suka berangan-angan namun ia boleh dimaknakan sebagai naratif yang menekankan kepentingan perancangan strategik, pengurusan risiko, daya tahan dan keusahawanan. Menurut Raja Mhd Shahnuddin dan lain-lain (2021), cerita *Mat Jenin* mempunyai pengajaran dan tauladan kepada pembaca dan masyarakat. *Mat Jenin* yang suka berangan-angan sehingga terjatuh dari atas pokok menjelaskan bahawa di dalam kehidupan setiap manusia tanpa usaha maka cita-cita hanya akan menjadi sia-sia. Pemaknaan ini memperlihatkan bahawa cerita rakyat Melayu mempunyai keupayaan untuk menyumbang kepada pembinaan nilai-nilai yang diperlukan dalam masyarakat kontemporari tanpa menghilangkan mesej asal yang terkandung dalam naratif tersebut. Menurut mereka lagi dalam cerita *Mat Jenin* juga, disebalik watak tersebut secara halus merupakan satu lambang yang mewakili masyarakat yang ingin maju, namun semangat ingin berjaya itu dibunuh oleh masyarakat Melayu itu sendiri dengan sikap dengki dan khianat mengkhianati sehingga menjatuhkan antara satu sama lain. Falsafah penceritaan ini sinonim dengan masyarakat masa kini yang masih mempunyai ciri-ciri sifat *Mat Jenin* di dalam kehidupan mereka. Oleh itu, pemaknaan baharu berfungsi sebagai mekanisme yang mengekalkan perkaitan cerita rakyat Melayu dalam kehidupan masyarakat kontemporari.

Tradisi menyediakan akar nilai dan identiti, manakala kemodenan menyediakan ruang baharu untuk penyampaian dan penerimaan. Hubungan kedua-duanya membolehkan cerita rakyat Melayu terus berfungsi sebagai sumber ilmu, hiburan dan pembentukan pemikiran dalam masyarakat kontemporari. Menurut Raja Mhd Shahnuddin dan lain-lain (2021), menyatakan masyarakat Melayu perlu menjadikan cerita rakyat sebagai satu naskhah penting yang harus dipelihara demi generasi akan datang. Melalui proses ini, cerita rakyat Melayu memperoleh kehidupan baharu dalam bentuk yang lebih relevan tanpa kehilangan jati diri asalnya.

Implikasi Kajian

Kajian ini memberikan beberapa implikasi penting terhadap pemahaman dan pelestarian cerita rakyat Melayu dalam konteks kontemporari dan tanggapan baharu secara keseluruhannya. Melalui pengaplikasian Deskripsi Teksual Tiga Proses Pengkisahan oleh A. Halim Ali (2012), kajian ini memperlihatkan bahawa cerita rakyat Melayu bukanlah hanya teks yang diwarisi daripada generasi ke generasi dan bersifat statik, sebaliknya merupakan sebuah naratif yang dinamik dan sentiasa mengalami proses pemaknaan dan penghasilan semula berdasarkan perubahan konteks masyarakat. Dari perspektif kesusasteraan Melayu, kajian ini

memperluaskan pemahaman terhadap cerita rakyat sebagai teks yang mempunyai lapisan makna yang dinamik. Selama ini, sebahagian penelitian terhadap cerita rakyat lebih tertumpu kepada aspek struktur cerita, nilai moral atau fungsi sosialnya. Kajian ini mencadangkan bahawa cerita rakyat juga perlu dilihat sebagai teks yang mengalami proses pengkisahan secara berterusan melalui penjernihan konsep, pemaknaan baharu dan penulisan semula teks. Pendekatan ini membuka ruang kepada penelitian yang lebih luas terhadap hubungan antara teks tradisional dengan perubahan pemikiran masyarakat semasa. Dengan demikian, cerita rakyat Melayu tidak hanya ditempatkan sebagai bahan kajian sejarah atau folklor, tetapi sebagai sumber intelektual yang mampu menyumbang kepada perbincangan tentang identiti, nilai kemanusiaan dan cabaran masyarakat kontemporari. Jika dilihat dari sudut pelestarian warisan budaya juga kajian ini memperlihatkan bahawa usaha mengekalkan cerita rakyat tidak seharusnya terbatas kepada dokumentasi atau penyimpanan teks lama semata-mata. Pelestarian yang berkesan memerlukan proses pengaktifan semula naratif melalui pemahaman dan penyampaian yang sesuai dengan perubahan zaman. Begitu juga dalam bidang pendidikan, kajian ini memberikan implikasi bahawa cerita rakyat Melayu boleh dimanfaatkan sebagai sumber pembelajaran yang lebih luas daripada sekadar penyampaian nilai moral. Melalui proses pemaknaan baharu, cerita rakyat dapat dikaitkan dengan pelbagai isu semasa seperti pembentukan jati diri, pemikiran kritis, etika sosial, kreativiti dan literasi budaya. Pendekatan ini juga memberi ruang kepada pendidik untuk memperkenalkan cerita rakyat melalui kaedah yang lebih kreatif dan interaktif. Penggunaan medium baharu seperti animasi, platform digital dan bahan pembelajaran inovatif dapat membantu generasi muda mendekati warisan tradisional dalam bentuk yang lebih dekat dengan pengalaman mereka. Secara keseluruhannya, implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pelestarian cerita rakyat Melayu memerlukan pendekatan yang bersifat dinamik dan berterusan. Warisan tidak dapat dikekalkan hanya dengan mempertahankan bentuk lama, tetapi perlu dihidupkan melalui proses pemahaman, pentafsiran dan penyampaian semula.



Rajah 1: Model Pelestarian Naratif Cerita Rakyat Melayu melalui pemaknaan baharu

Sumber: Diadaptasi daripada Deskripsi Tekstual Teks Tiga Proses Pengkisahan (Penjernihan Konsep, Pemaknaan Baharu dan Penulisan Semula) oleh A. Halim Ali (2012), serta diolah oleh pengkaji berdasarkan dapatan kajian.

Kesimpulan Dan Implikasi Kajian

Cerita rakyat Melayu merupakan khazanah naratif yang bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan masyarakat tradisional, malah menjadi wadah penyimpanan pemikiran, nilai, pandangan dunia dan sistem kepercayaan masyarakat Melayu. Namun demikian, kelangsungan cerita rakyat tidak seharusnya bergantung semata-mata pada kedudukannya sebagai warisan lama yang dipelihara secara statik. Sebaliknya, cerita rakyat perlu mengalami proses pemaknaan semula agar terus relevan dengan perubahan zaman dan mampu berdialog dengan masyarakat kontemporari. Kajian ini menunjukkan bahawa cerita rakyat Melayu terpilih seperti *Si Tenggang* dan *Mat Jenin* mengandungi lapisan makna yang lebih luas berbanding tafsiran konvensional yang sering menekankan aspek moral dan pengajaran semata-mata. Melalui pendekatan pemaknaan baharu, naratif tradisional ini dapat ditafsirkan sebagai refleksi terhadap isu-isu semasa seperti pembentukan identiti, konflik keluarga, nilai kemanusiaan, ketidakadilan sosial, psikologi individu, aspirasi kehidupan dan cabaran masyarakat moden. Dalam konteks ini, cerita rakyat bukan sekadar teks masa lalu, tetapi merupakan teks yang sentiasa terbuka untuk ditafsirkan berdasarkan perubahan ruang sosial, budaya dan intelektual masyarakat. Prinsip penjernihan konsep yang dikemukakan oleh A. Halim Ali (2012) memberikan ruang untuk melihat semula konsep-konsep tradisional melalui pemahaman yang lebih kritis, manakala Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) membantu menjelaskan hubungan antara karya sastra dengan pandangan alam Melayu yang berteraskan nilai, keagamaan dan kemasyarakatan. Berdasarkan analisis terhadap cerita rakyat *Si Tenggang* dan *Mat Jenin*, didapati proses pemaknaan baharu bukan sahaja membentuk interpretasi yang selaras dengan konteks semasa, malah menyumbang kepada pelestarian naratif tradisional. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa pemaknaan baharu terhadap cerita rakyat Melayu mampu memperkukuh usaha pelestarian warisan sastra melalui pendekatan yang lebih dinamik. Generasi masa kini tidak lagi hanya memerlukan penyampaian cerita dalam bentuk asal, tetapi memerlukan pendekatan baharu yang menghubungkan naratif tradisional dengan pengalaman kehidupan mereka. Oleh itu, cerita rakyat boleh dikembangkan melalui medium pendidikan, teknologi digital, persembahan kreatif, animasi, kandungan interaktif dan pelbagai platform kontemporari tanpa menghilangkan identiti asal serta nilai budaya yang terkandung di dalamnya. Implikasi kajian ini memperlihatkan bahawa usaha melestarikan cerita rakyat Melayu perlu beralih daripada pendekatan pemeliharaan kepada pendekatan penghidupan semula (*revitalisation*). Pemeliharaan hanya memastikan teks tradisional terus wujud, manakala penghidupan semula memastikan teks tersebut terus difahami, dihargai dan berfungsi dalam kehidupan masyarakat. Oleh itu, cerita rakyat Melayu perlu dilihat sebagai sumber intelektual yang mampu menyumbang kepada pembinaan pemikiran kritis, pembentukan karakter dan pengukuhan identiti budaya Melayu.

Kesimpulannya, warisan cerita rakyat tidak akan terus hidup hanya kerana ia diwarisi daripada generasi terdahulu, tetapi akan kekal apabila diberikan tafsiran baharu yang bermakna kepada generasi semasa. Pemaknaan baharu terhadap cerita rakyat Melayu merupakan satu usaha intelektual untuk memastikan naratif tradisional terus berkembang sebagai khazanah budaya yang relevan, berdaya tahan dan mampu berkomunikasi dengan dunia moden.

Rujukan:

- Abu Bakar, R. (2017). Komunikasi tradisi dalam kepengarangan *Hikayat Pelanduk Jenaka*. *KEMANUSIAAN: The Asian Journal of Humanities*, 24(1), 23–49. <https://doi.org/10.21315/kajh2017.24.1.2>
- Ahmad, A. S. (1996). *Si Tenggang anak derhaka*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali, A. H. (2012). Satu analisis pengkisahan semula sastera Melayu tradisional dalam perspektif baharu. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 4(2), 16–27.
- Awang Sariyan. (2001, Jun). Mencari Melayu dalam jati diri sebenar. *Dewan Budaya*.
- Ayob, S. (1981). Sastera untuk kanak-kanak: Fungsi dan implikasinya. *Pendidik dan Pendidikan*, 3, 73–82.
- Che Yaacob, M. F., & Abd Rahim, N. (2016). Nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu: Suatu aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, 4(2), 48–57.
- Hashim Awang. (1989). Kajian sastera: Suatu pendekatan Melayu. *Dewan Sastera*, (12), 60–63.
- Jauss, H. R. (1982). *Toward an aesthetic of reception*. University of Minnesota Press.
- Kamarudin, S. A., & Sujud, A. (2017). Jati diri Melayu dalam kumpulan puisi terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 7, 47–63. doi:10.15282/ijleal.v7.513.
- Mamat @ Mustaffa, M., & Sujud, A. (2009). Transformasi medium dari tradisi lisan, teks dan bentuk multimedia dalam Cerita Unggas. *Jurnal Pengajian Melayu*, 20(1), 163–178.
- Mazlan, N. S., Che Yaacob, M. F., & Abdillah, N. (2021). Citra masyarakat dalam naratif lisan: Satu pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, 9(2), 93–106. <https://doi.org/10.46754/jbsd.2021.09.007>
- Mohammad Shahidan. (2016). *Koleksi terpilih cerita rakyat Malaysia* (Cetakan ke-3). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Mhd Shahnuddin, S. Z., Hasnan, R. S., & Azmi, N. N. (2021). Pancaran kritikan sosial melalui karakter dalam cerita rakyat Melayu. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-6 (PASAK6 2021)*, 488–503.
- Tuan Adnan, T. S. N. S., & Che Yaacob, M. F. (2023). Akal budi orang Melayu menerusi cerita-cerita rakyat. *PENDETA*, 14(2), 56–70. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.5.2023>
- Tuan Adnan, T. S. N. S. B., & Che Yaacob, M. F. (2023). Akal budi dalam cerita rakyat interpretasi sosiobudaya kanak-kanak dan remaja. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 1, 95–107. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2023.1.7>